

## STANDARD MINIMUM KEBERTANGGUNGJAWABAN UNTUK BABI (KHINZIR)

Standard Minimum Kebertanggungjawaban untuk Babi seperti yang dilampirkan merangkumi keperluan kebajikan utama khusus untuk babi. Prinsip Standard Minimum Kebertanggungjawaban hendaklah dibaca bersama dengan Standard Minimum Kebertanggungjawaban untuk Khinzir kerana Prinsip tersebut memperincikan secara menyeluruh keperluan yang dikenakan pada semua haiwan ternakan.

### *Tentang Inisiatif FARMS dan Standard Minimum Kebertanggungjawaban*

*Matlamat Inisiatif Standard Minimum Kebertanggungjawaban Haiwan Ternakan (FARMS) adalah supaya institusi kewangan menggalakkan dan menyokong pengeluaran daging, susu dan telur, dan syarikat-syarikat lain dalam rantaian bekalan bagi memenuhi Standard Minimum Kebertanggungjawaban yang berkaitan dengan cara penjagaan, pemindahan dan sembelihan haiwan ternakan. Inisiatif FARMS diasaskan oleh sebuah organisasi perlindungan haiwan sedunia. Standard Minimum Kebertanggungjawaban berasaskan prinsip-prinsip sejumlah rangka kerja sedunia dan mencerminkan input daripada pelbagai organisasi perlindungan haiwan dan organisasi pensijilan kebajikan haiwan.*

## STANDARD MINIMUM KEBERTANGGUNGJAWABAN UNTUK BABI (KHINZIR)

### Risiko Kebajikan 1: Keterbatasan Ruang

#### Standard Pengurangan 1:

- 1.1 Tidak boleh menggunakan kandang atau peti kebuntingan babi betina (dewasa).
- 1.2 Babi betina kering susu dan babi dara mesti ditempatkan dalam kumpulan dan hanya boleh di letak di kandang atau peti selama maksimum empat hari setelah pernianan dan mesti diberi ruang lantai sekurang-kurangnya 3 m<sup>2</sup> bagi setiap individu.
- 1.3 Tidak boleh menggunakan peti beranak.
- 1.4 Sekiranya diperlukan, babi betina mungkin dikurung buat sementara waktu selama tiga hari pertama setelah beranak untuk mengurangkan risiko penindihan anak babi.
- 1.5 Anak sapihan, babi penggemuk dan penamat mesti ditempatkan dalam kumpulan.
- 1.6 Ruang yang mencukupi mesti disediakan bagi semua babi untuk berdiri, meregang, memusingkan badan, duduk, melakukan tingkah laku sosial dan/atau berbaring dengan selesa pada masa yang sama dengan kawasan yang ditentukan untuk berehat, makan, beraktiviti dan perkumuhan.
- 1.7 Peruntukan ruang mesti mencukupi untuk mencegah gigitan ekor. Peruntukan ruang minimum untuk pembesaran babi dinyatakan dalam Jadual 1. Sekurang-kurangnya dua pertiga, tetapi sebaik-baiknya tiga perempat dari ruang yang dibenarkan, mesti dilapisi untuk keselesaan yang lebih baik. Perhatikan bahawa lebih banyak ruang mungkin diperlukan untuk mencegah gigitan ekor.

Jadual 1: Peruntukan Ruang Minimum untuk Babi Membesar	
Berat Babi (kg)	Jumlah Minimum Kawasan (m <sup>2</sup> )
Sehingga 15 kg	0.42
16-25 kg	0.56
26-50 kg	0.65
50-100 kg	0.93
Melebihi 100 kg	1.20

## Risiko Kebajikan 2: Persekitaran Tandus dan Tidak Sesuai

### Standard Pengurangan 2:

- 2.1 Bahan pengayaan mesti disediakan untuk membolehkan penyiasatan dan aktiviti manipulasi yang betul untuk semua peringkat pengeluaran babi.
- 2.2 Bahan mestilah boleh dimakan, dikunyah, mudah hancur dan berbau, diperbaharui secara berkala untuk mengekalkan minat, dapat diakses oleh semua babi, dan bersih.
- 2.3 Bergantung pada keadaan cuaca, lapisan tempat tidur, seperti jerami, sangat digalakkan untuk keselesaan tambahan dari segi fizikal dan haba.
- 2.4 Lantai berselat penuh tidak boleh digunakan; sekurang-kurangnya 50% lantai mestilah kukuh.

## Risiko Kebajikan 3: Diet Yang Tidak Sesuai

### Standard Pengurangan 3:

- 3.1 Untuk mencegah masalah kelaparan dan pencernaan, pembiakan babi dara dan babi betina pada makanan yang dilarang mesti dibekalkan dengan jumlah makanan berserat tinggi yang banyak, misalnya jerami, sebagai tambahan kepada rangsum makanan yang kaya dengan tenaga.

## Risiko Kebajikan 4: Tatacara Menyakitkan

### Standard Pengurangan 4:

- 4.1 Pemojangan ekor tidak boleh dilakukan secara rutin.
- 4.2 Pemojangan ekor mungkin digunakan sebagai jalan terakhir apabila semua langkah pengurangan faktor risiko gagal mencegah tingkah laku menggigit ekor.
- 4.3 Pengeluar mesti mempunyai rancangan pengurusan untuk mencegah dan menangani gigitan ekor tanpa menggunakan pemojangan ekor.
- 4.4 Pengasian pembedahan tidak boleh dijalankan.
- 4.5 Sebaliknya, imunokastrasi mesti digunakan atau babi jantan yang utuh mesti dibesarkan.
- 4.6 Guntingan gigi dan pengertakan gigi tidak boleh dilakukan secara rutin.
- 4.7 Guntingan atau pengertakan gigi hanya boleh digunakan sebagai langkah terakhir apabila semua langkah lain untuk mengelakkan luka pada babi betina dan anak babi lain telah dilaksanakan tetapi gagal.
- 4.8 Pengeluar mesti mempunyai rancangan pengurusan untuk mencegah dan menangani anak babi yang mencederakan babi betina atau anak babi lain tanpa perlu menggunting atau menggertak gigi.

## Risiko Kebajikan 5: Pembiakbakaan dan Genetik

### Standard Pengurangan 5:

- 5.1 Babi betina tidak boleh dibiakkan secara selektif untuk meningkatkan ukuran seperanak melebihi jumlah yang dapat dibesarkan oleh seekor babi betina.

## Risiko Kebajikan 6: Penyapihan Awal

### Standard Pengurangan 6:

- 6.1 Anak babi tidak boleh disapih sehingga berumur 28 hari atau lebih.

## Risiko Kebajikan 7: Pengangkutan

### Standard Pengurangan 7:

- 7.1 Masa pengangkutan darat mesti dihadkan kepada 8 jam.
- 7.2 Babi yang diangkut melalui laut mesti ditemani oleh doktor haiwan dan mesti sampai ke tempat tujuan dalam masa 24 jam.
- 7.3 Babi mesti sesuai untuk perjalanan.
- 7.4 Babi yang tidak dapat bergerak tidak boleh diangkut, kecuali kepada doktor haiwan untuk mendapatkan rawatan.
- 7.5 Babi yang tidak dapat bergerak tidak boleh diseret dengan anggota badan, kepala atau ekornya dan hanya boleh digerakkan jika ditarik pada alat pemindahan khas.
- 7.6 Penghalau atau penujah elektrik tidak boleh digunakan semasa menangkap, memuat, memunggah atau memindahkan babi.
- 7.7 Babi hendaklah dipindahkan dengan "papan babi" yang rata dan bukan dengan tongkat.

## Risiko Kebajikan 8: Penyembelihan

### Standard Pengurangan 8:

- 8.1 Kemudahan untuk mengendali dan menyekat babi mesti mengambil kira ukuran dan usia haiwan dan telah dirancang, dibina dan disenggara untuk mengurangkan tekanan dan risiko kecederaan.
- 8.2 Babi mesti dipengsan sebelum disembelih dengan menggunakan kaedah yang tidak menjejaskan. Kaedah ini menyebabkan ketidaksedaran segera yang berterusan sehingga mati atau jika ketidaksedaran disebabkan teraruh secara beransur-ansur, prosesnya mestilah tidak menjejaskan.
- 8.3 Gas CO<sub>2</sub> berkepekatan tinggi tidak boleh digunakan untuk pemengsan.

## Risiko Kebajikan 9: Pematuhan dan Ketelusan

### Standard Pengurangan 9:

- 9.1 Menunjukkan pematuhan standard seperti di atas melalui pengauditan pihak ketiga secara tahunan dan pelaporan awam tahunan tentang perkembangan terhadap komitmen ini.